

30 AUG 2002

Mahathir-Pendatang

M'SIA SEDANG CUBA MEREDAKAN ISU PEKERJA TANPA IZIN

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa Malaysia sedang mencuba sedaya upaya untuk meredakan isu pekerja tanpa izin secara rasional.

"Saya sedang meredakannya dengan cara yang sangat rasional, sekiranya (mereka mendakwa bahawa) kita menganiaya mereka, biarkan mereka datang dan melihatnya," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti, di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas tentang dakwaan Filipina dan Indonesia bahawa Malaysia menganiaya pekerja tanpa izin dari kedua-dua negara itu semasa di kem tahanan.

Malaysia telah melaksanakan program penghantaran pulang ribuan pekerja tanpa izin asing semasa tempoh pengampunan yang berakhir 31 Julai lepas.

Selepas itu undang-undang imigresen yang telah dipinda yang membenarkan pendatang tanpa izin disebat dan dipenjara, mula dilaksanakan.

Ditanya mengenai tindakan perusuh Filipina dan Indonesia yang dilaporkan membakar Jalur Gemilang semasa menunjuk perasaan di hadapan kedutaan Malaysia di Manila dan Jakarta, Dr Mahathir berkata tindakan mereka itu tidak mencerminkan pendirian kerajaan kedua-dua negara berkenaan.

Menjawab satu pertanyaan, Dr Mahathir berkata pekerja asing tidak pernah membangkitkan isu mereka dianiaya semasa bekerja tanpa izin di negara ini.

"Mereka telah duduk di sini bertahun dah, dapat kemudahan hospital kita, tak kata pun mereka dianiaya," katanya.

Perdana Menteri turut diminta mengulas mengenai laporan akhbar "The Washington Post" hari ini yang menyatakan Malaysia merupakan antara negara yang mungkin mempunyai akaun kewangan kumpulan Al-Qaeda.

"Setakat yang kita tahu, tidak ada," katanya dan menambah bahawa Malaysia telah diberi tanggungjawab untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa lain bagi menyiasat kemungkinan wujud akaun sedemikian.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai penggunaan bahasa Inggeris dalam mengajar matapelajaran Sains dan Matematik di sekolah rendah mulai tahun depan.

"Tiada perubahan (dalam keputusan kerajaan) untuk menggunakan bahasa Inggeris bagi mengajar Sains dan Maths di tahun satu sekolah rendah pada tahun depan, tetapi kita akan mendengar pandangan mereka," kata beliau.

-- BERNAMA

AT MAM HM